


## HUKUM BACAAN NUN MATI DAN TANWIN



### Carta Nun Mati Dan Tanwin

#### 1. Izhar Halqi <sup>(إِظْهَارٌ حَلْقَيٌ)</sup><sup>1</sup>

- Izhar bermaksud jelas atau nyata. Halqi bermaksud halkum atau kerongkong.
- Ia berlaku apabila nun mati atau tanwin bertemu dengan salah satu huruf halqi yang enam, iaitu: ( ه ع غ خ ئ و ), maka cara bacaannya adalah dengan menjelaskan sebutan huruf nun mati atau tanwin tersebut.
- Contohnya: ( مَنْ ءَامَنَ - أَنْعَمْتَ - رِزْقًا حَسَنًا - غَفُورٌ حَلِيمٌ - حَلْقٌ عَظِيمٌ )

<sup>1</sup> Dalam Rasm 'Uthmani, hukum Izhar Halqi diletakkan tanda sukun(mati) pada huruf nun mati. Fathatain (dua baris atas) dan Kasratain (dua baris bawah) yang selari. Manakala Dhommatain (dua baris depan) yang tidak selari.

## 2. Idgham Bila Ghunnah<sup>2</sup> (إِذْغَامٌ بِالْغُنَّةِ)

- Bermaksud memasukkan tanpa dengung.
- Ia berlaku apabila nun mati atau tanwin bertemu dengan salah satu daripada dua huruf Idgham Bila Ghunnah, iaitu: ( ل ر ) dalam dua perkataan, maka cara bacaannya adalah dengan memasukkan huruf nun mati atau tanwin tersebut ke dalam salah satu daripada dua huruf Idgham Bila Ghunnah tanpa didengungkan.
- Contohnya: ( أَنْ رَءَاهُ اسْتَغْفِنِي - مِنْ لَدُنْ - غَفُورٌ رَّجِيمٌ - يُبَيِّنُ لَنَا - بِمُؤْمِنِ لَنَا )

\*\* Terdapat satu tempat yang dikecualikan dari bacaan idgham, iaitu: **وَقِيلَ مَنْ رَاقِي**<sup>3</sup>. Kerana ia dibaca dengan saktah.

## 3. Idgham Bi Ghunnah<sup>4</sup> (إِذْغَامٌ بِغُنَّةِ)

- Bermaksud memasukkan dengan dengung.
- Ia berlaku apabila nun mati atau tanwin bertemu dengan salah satu huruf Idgham Bi Ghunnah yang empat, iaitu: ( ي ن م و ) dalam dua perkataan, maka cara bacaannya adalah dengan memasukkan huruf nun mati atau tanwin tersebut ke dalam salah satu dari empat huruf Idgham Bi Ghunnah dengan disertakan bersamanya bunyi dengung dua harakat.
- Contohnya: ( أَنْ يُوصَلَ - مِنْ وَاقِي - حِسَابًا يَسِيرًا - مِنْ مَقَامٍ - لَنْ تُدْخِلَهَا )

<sup>2</sup> Dalam Rasm 'Uthmani, hukum Idgham Bila Ghunnah, Idgham Bi Ghunnah dan Ikhfa' Haqiqi tidak diletakkan tanda sukun pada huruf nun. Baris Fathatain dan Kasratain yang tidak selari. Manakala baris Dhommatain yang selari.

<sup>3</sup> Surah Al-Qiyamah: 27

## **\*\* Izhar Mutlaq (إِظْهَارٌ مُطْلَقٌ)**

- Ia berlaku apabila nun mati bertemu dengan huruf-huruf Idgham Bi Ghunnah di **dalam satu perkataan**. Cara bacaannya hendaklah dijelaskan sebutan nun mati tersebut, tanpa didengungkan.
- Terdapat **4 perkataan** sahaja yang menggunakan kaedah bacaan Izhar Mutlak di dalam Mushaf (Al-Qur'an):      (الدُّنْيَا - بُنْيَانٌ - صِنْوَانٌ - قِنْوَانٌ)

## **4) Iqlab <sup>5</sup>(إِقْلَابٌ)**

- Bermaksud membalikkan atau menggantikan.
- Ia berlaku apabila nun mati atau tanwin bertemu dengan huruf ba (ب), maka cara bacaannya adalah dengan mengubah atau menukarkan bunyi nun mati menjadi bunyi huruf mim mati, serta di dengungkan dua harakat.

➤ Contohnya: (لِبَذَنَ لَتَسْفَعًا بِالنَّاجِيَةِ)

## **5. Ikhfa' Haqiqi <sup>6</sup>(إِخْفَاءُ حَقِيقَى)**

- Ikhfa' bermaksud sembunyi, samar atau tidak jelas.
- Ia berlaku apabila nun mati atau tanwin bertemu dengan salah satu daripada 15 huruf Idgham Bi Ghunnah (ت ث ج د ذ س ش ض ط ظ ف ق ك), maka cara bacaannya adalah dengan bunyi samar-samar, antara jelas antara izhar dan idgham beserta dengung.
- Contohnya: (عَنْ صَلَاحِهِمْ - عِنْدَ اللَّهِ - ثَمَنًا قَلِيلًا - يَسْهُونَ - أَنْ تَرْكَى)

---

<sup>5</sup> Dalam Rasm 'Uthmani, hukum Iqlab tidak diletakkan tanda sukun pada huruf nun mati, dan diletakkan huruf mim kecil di atasnya. Manakala tanwin (baris dua), digugurkankan satu baris dan diletakkan huruf mim kecil padanya. Bibir mulut direnggangkan sedikit, atau boleh juga dirapatkan ketika membacanya.